



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

---

**KHAMIS, 7 MAC 2024**

**LAPORAN HARIAN**





UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

7/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<b>KPWKM CADANG NAIKKAN BANTUAN GERAN PELANCARAN DARIPADA RM2,700 KE RM5,000</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1067270/kpwkm-cadang-naikkan-bantuan-geran-pelancaran-daripada-rm2700-ke-rm5000">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1067270/kpwkm-cadang-naikkan-bantuan-geran-pelancaran-daripada-rm2700-ke-rm5000</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://thesun.my/local_news/kpwkm-plans-to-increase-launching-grants-from-rm2700-to-rm5000-nancy-JK12181549">https://thesun.my/local_news/kpwkm-plans-to-increase-launching-grants-from-rm2700-to-rm5000-nancy-JK12181549</a>	THESUN.MY
	<a href="https://www.bernama.com/en/news.php?id=2276412">https://www.bernama.com/en/news.php?id=2276412</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://www.businesstoday.com.my/2024/03/06/kpwkm-plans-to-increase-launching-grant-amount-to-rm5000/">https://www.businesstoday.com.my/2024/03/06/kpwkm-plans-to-increase-launching-grant-amount-to-rm5000/</a>	BUSINESSTODAY.COM.MY
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2276406">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2276406</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/03/06/kpwkm-cadang-bantuan-geran-pelancaran-naik-kepada-rm5000/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/03/06/kpwkm-cadang-bantuan-geran-pelancaran-naik-kepada-rm5000/</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM
	<a href="https://suaramerdeka.com.my/kpwkm-cadang-bantuan-geran-pelancaran-naik-kepada-rm5000/">https://suaramerdeka.com.my/kpwkm-cadang-bantuan-geran-pelancaran-naik-kepada-rm5000/</a>	SUARAMERDEKA.COM.MY
	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/03/06/womens-ministry-plans-to-increase-launching-grants-under-welfare-assistance-scheme-from-rm2700-to-rm5000-says-nancy/121700">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/03/06/womens-ministry-plans-to-increase-launching-grants-under-welfare-assistance-scheme-from-rm2700-to-rm5000-says-nancy/121700</a>	MALAYMAIL.COM
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/03/06/women039s-ministry-plans-increase-of-launching-grants-to-rm5000-says-nancy">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/03/06/women039s-ministry-plans-increase-of-launching-grants-to-rm5000-says-nancy</a>	THESTAR.COM.MY
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/06/kpwkm-cadang-naikkan-bantuan-geran-pelancaran-daripada-rm2700-kepada-rm5000">https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/06/kpwkm-cadang-naikkan-bantuan-geran-pelancaran-daripada-rm2700-kepada-rm5000</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY
	<a href="https://bnnbreaking.com/politics/malaysia-boosts-welfare-grant-to-rm5000-champions-womens-economic-empowerment">https://bnnbreaking.com/politics/malaysia-boosts-welfare-grant-to-rm5000-champions-womens-economic-empowerment</a>	BNNBREAKING.COM
	<a href="https://media-perpaduan.com/2024/03/06/kpwkm-cadang-naikkan-bantuan-geran-pelancaran-daripada-rm2700-kepada-rm5000-nancy-shukri-2/">https://media-perpaduan.com/2024/03/06/kpwkm-cadang-naikkan-bantuan-geran-pelancaran-daripada-rm2700-kepada-rm5000-nancy-shukri-2/</a>	MEDIA-PERPADUAN.COM
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1220116/kpwkm-cadang-naikkan-bantuan-geran-pelancaran-daripada-rm2700-kepada">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/03/1220116/kpwkm-cadang-naikkan-bantuan-geran-pelancaran-daripada-rm2700-kepada</a>	BHARIAN.COM.MY



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

7/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
2	<b>KERAJAAN SASAR RUU PROFESION KERJA SOSIAL DIBENTANG TAHUN INI</b>	
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2276544">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2276544</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://thesun.my/local_news/nancy-govt-aims-to-table-social-work-profession-bill-this-year-FK12183413">https://thesun.my/local_news/nancy-govt-aims-to-table-social-work-profession-bill-this-year-FK12183413</a>	THESUN.MY
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/653036/berita/nasional/kerajaan-sasar-ruu-profesion-kerja-sosial-dibentang-tahun-ini">https://www.sinarharian.com.my/article/653036/berita/nasional/kerajaan-sasar-ruu-profesion-kerja-sosial-dibentang-tahun-ini</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/03/06/womens-ministry-targets-tabling-of-social-work-profession-bill-this-year-says-nancy-shukri/121732">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/03/06/womens-ministry-targets-tabling-of-social-work-profession-bill-this-year-says-nancy-shukri/121732</a>	MALAYMAIL.COM
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/03/06/social-work-profession-bill-may-be-tabled-this-year-says-nancy">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/03/06/social-work-profession-bill-may-be-tabled-this-year-says-nancy</a>	THESTAR.COM.MY
	<a href="https://twentytwo13.my/news/focus-on-independent-body-to-regulate-social-workers-as-social-work-profession-bill-could-be-tabled-this-year/">https://twentytwo13.my/news/focus-on-independent-body-to-regulate-social-workers-as-social-work-profession-bill-could-be-tabled-this-year/</a>	TWENTYTWO13.MY
	<a href="https://selangorjournal.my/2024/03/government-aims-to-table-social-work-profession-bill-this-year-nancy/">https://selangorjournal.my/2024/03/government-aims-to-table-social-work-profession-bill-this-year-nancy/</a>	SELANGORJOURNAL.MY
	<a href="https://www.theborneopost.com/2024/03/06/nancy-govt-aims-to-table-social-work-profession-bill-this-year/">https://www.theborneopost.com/2024/03/06/nancy-govt-aims-to-table-social-work-profession-bill-this-year/</a>	THEBORNEOPOST.COM
	<a href="https://www.astroawani.com/videos/politik-x7sio1/kpwkm-sasar-bawa-ruu-profesion-pekerja-sosial-ke-parlimen-tahun-ini-x8txjza">https://www.astroawani.com/videos/politik-x7sio1/kpwkm-sasar-bawa-ruu-profesion-pekerja-sosial-ke-parlimen-tahun-ini-x8txjza</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=k5e97_4NhuY">https://www.youtube.com/watch?v=k5e97_4NhuY</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2024/03/06/parlimen-ruu-profesion-kerja-sosial-dicadang-dibentang-tahun-ini-nancy/">https://www.tvsarawak.my/2024/03/06/parlimen-ruu-profesion-kerja-sosial-dicadang-dibentang-tahun-ini-nancy/</a>	TVSARAWAK.MY
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=5hV3C-Xkvhs">https://www.youtube.com/watch?v=5hV3C-Xkvhs</a>	YOUTUBE
	<a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/06/kerajaan-sasar-ruu-profesion-kerja-sosial-dibentang-tahun-ini">https://www.utusanborneo.com.my/2024/03/06/kerajaan-sasar-ruu-profesion-kerja-sosial-dibentang-tahun-ini</a>	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	<b>#WOMEN: BECOMING THE BEST VERSION OF THEMSELVES</b>	
	<a href="https://www.nst.com.my/lifestyle/heal/2024/03/1022027/women-becoming-best-version-themselves">https://www.nst.com.my/lifestyle/heal/2024/03/1022027/women-becoming-best-version-themselves</a>	NST.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

7/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
4	LAWA TINGKAT KEBOLEHPASARAN WANITA	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2024/03/06/lawa-tingkat-kebolehpasaran-wanita/">https://www.kosmo.com.my/2024/03/06/lawa-tingkat-kebolehpasaran-wanita/</a>	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	SISBOLEH PROGRAMME FOR WOMEN EMPOWERMENT	
	<a href="https://www.newsarawaktribune.com.my/sisboleh-programme-for-women-empowerment/">https://www.newsarawaktribune.com.my/sisboleh-programme-for-women-empowerment/</a>	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	TAMBAH PEGAWAI JKM UNTUK TANGANI ISU KEBAJIKAN	
	<a href="https://harakahdaily.org/index.php/2024/03/06/tambah-pegawai-jkm-untuk-tangani-isu-kebaikan/">https://harakahdaily.org/index.php/2024/03/06/tambah-pegawai-jkm-untuk-tangani-isu-kebaikan/</a>	HARAKAHDAILY.ORG

BIL	PERKARA	SUMBER
7	VIDEO SOROTAN PROGRAM KASIH WANITA: EKONOMI PEMBANGUNAN MAMPAN(OMEGA)	
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=dVtf_kRjRGA">https://www.youtube.com/watch?v=dVtf_kRjRGA</a>	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
8	139 JENAYAH BABITKAN KANAK-KANAK PADA 2022	
	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/230059/139-jenayah-babitkan-kanak-kanak-pada-2022/">https://www.dailyexpress.com.my/news/230059/139-jenayah-babitkan-kanak-kanak-pada-2022/</a>	DAILYEXPRESS.COM.MY



UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

7/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
9	<b>BAYI 3 BULAN MAUT HARI PERTAMA DI PUSAT ASUHAN</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1067503/bayi-3-bulan-maut-hari-pertama-di-pusat-asuhan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1067503/bayi-3-bulan-maut-hari-pertama-di-pusat-asuhan</a>	HMETRO.COM.MY
	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/03/06/bayi-usia-3-bulan-mati-pada-hari-pertama-di-pusat-asuhan/">https://malaysiagazette.com/2024/03/06/bayi-usia-3-bulan-mati-pada-hari-pertama-di-pusat-asuhan/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/653086/berita/semasa/bayi-tiga-bulan-maut-pada-hari-pertama-di-pusat-asuhan#google_vignette">https://www.sinarharian.com.my/article/653086/berita/semasa/bayi-tiga-bulan-maut-pada-hari-pertama-di-pusat-asuhan#google_vignette</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/03/1220408/bayi-meninggal-dunia-pada-hari-pertama-dihantar-ke-pusat-asuhan">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/03/1220408/bayi-meninggal-dunia-pada-hari-pertama-dihantar-ke-pusat-asuhan</a>	BHARIAN.COM.MY
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-lelaki-usia-3-bulan-mati-pada-hari-pertama-di-pusat-asuhan-461120">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-lelaki-usia-3-bulan-mati-pada-hari-pertama-di-pusat-asuhan-461120</a>	ASTROAWANI.COM
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/03/bayi-berusia-tiga-bulan-meninggal-dunia-hari-pertama-dijaga-pengasuh/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/03/bayi-berusia-tiga-bulan-meninggal-dunia-hari-pertama-dijaga-pengasuh/</a>	UTUSAN.COM.MY
	<a href="https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/03/06/tak-sampai-sehari-bayi-3-bulan-meninggal-dunia-di-pusat-asuhan/">https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/03/06/tak-sampai-sehari-bayi-3-bulan-meninggal-dunia-di-pusat-asuhan/</a>	FREEMALYSIATODAY.COM
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2276699">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2276699</a>	BERNAMA.COM
	<a href="https://mediavariasi.com/2024/03/bayi-3-bulan-maut-hari-pertama-di-pusat-asuhan/">https://mediavariasi.com/2024/03/bayi-3-bulan-maut-hari-pertama-di-pusat-asuhan/</a>	MEDIAVARIASI.COM
	<a href="https://siakapkeli.my/2024/03/06/bayi-tiga-bulan-meninggal-dunia-pada-hari-pertama-di-pusat-asuhan/">https://siakapkeli.my/2024/03/06/bayi-tiga-bulan-meninggal-dunia-pada-hari-pertama-di-pusat-asuhan/</a>	SIAKAPKELI.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	<b>GANGGUAN SEKSUAL: BEKAS PEGUAM KENA ENAM TAHUN, SATU SEBATAN</b>	
	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/230063/gangguan-seksual-bekas-peguam-kena-enam-tahun-satu-sebatan/">https://www.dailyexpress.com.my/news/230063/gangguan-seksual-bekas-peguam-kena-enam-tahun-satu-sebatan/</a>	DAILYEXPRESS.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	<b>PENCUCI KERETA LAKU AMANG SEKSUAL TERHADAP ANAK MAJIKAN DIPENJARA 4 TAHUN, 3 SEBATAN</b>	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1067479/pencuci-kereta-laku-amang-seksual-terhadap-anak-majikan-dipenjara-4-tahun-3">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1067479/pencuci-kereta-laku-amang-seksual-terhadap-anak-majikan-dipenjara-4-tahun-3</a>	HMETRO.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM




MALAYSIA  
MADANI

[www.kpwkm.gov.my](http://www.kpwkm.gov.my)

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

7/3/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
12	<b>BAPA MABUK TUNJUK ANU, PIJAK KEPALA ANAK DITAHAN</b>	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/653069/berita/semasa/bapa-tunjuk-anu-pijak-kepala-anak-ditahan">https://www.sinarharian.com.my/article/653069/berita/semasa/bapa-tunjuk-anu-pijak-kepala-anak-ditahan</a>	SINARHARIAN.COM.MY
	<a href="https://malysiagazette.com/2024/03/06/bapa-pijak-kepala-tunjuk-anu-pada-tiga-anak-gadis/">https://malysiagazette.com/2024/03/06/bapa-pijak-kepala-tunjuk-anu-pada-tiga-anak-gadis/</a>	MALYSIAGAZETTE.COM



TAJUK : KPWKM CADANG NAIKKAN BANTUAN GERAN PELANCARAN DARIPADA RM2,700 KEPADA RM5,000

HARI : KHAMIS

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 7 MAC 2024

M/SURAT : 10

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## KPWKM cadang naikkan bantuan geran pelancaran daripada RM2,700 kepada RM5,000

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bercadang untuk menambah jumlah pemberian bantuan geran pelancaran dalam Skim Bantuan Kebajikan daripada RM2,700 kepada RM5,000.

Menterinya Dato Sri Nancy Shukri berkata, ini adalah usaha KPWKM untuk membantu golongan memerlukan bagi memperoleh modal perniagaan dalam usaha mereka keluar daripada belunggu kemiskinan, malah kadar geran itu wajar dinaikkan bersesuaian dengan keadaan ekonomi ketika ini.

“Kami sudah bawa dalam mesyuarat pengurusan kami untuk meningkatkan lagi (geran pelancaran itu) daripada RM2,700 kepada RM5,000. Kalau MOF (Kementerian Kewangan) setuju, alhamdulillah kami boleh laksanakan...itu yang kami hendak lakukan,” katanya kepada Bernama.

Bantuan geran pelancaran dengan kadar maksimum RM2,700 secara sekali bayar itu bertujuan memperkasakan ekonomi kumpulan sasar Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang produktif, mempunyai minat, kemahiran dan potensi untuk menjana pendapatan

individu atau keluarga.


Ditanya mengenai pertimbangan KPWKM untuk menaikkan setiap kadar elaun bantuan di bawah JKM berikutan cabaran ekonomi semasa, Nancy berkata perkara itu tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh kerana ia melibatkan proses belanjawan negara.

“Namun, jika ada perubahan yang berlaku terhadap klien (penerima bantuan) kami itu, seperti baru-baru inisaya di Kuching, Sarawak, klien terima RM300 dan apabila jadi OKU (Orang Kurang Upaya) yang langsung tidak dapat buat apa-apa, kami sarankan supaya tambah elaunnya kepada RM500. Perkara sebegini dapat kami lakukan.

“...tetapi insya-Allah kami akan sentiasa cuba ketengahkan perkara ini kerana ia permintaan yang popular dalam kalangan rakyat... saya percaya kami tidak akan mengetepikan permintaan sebegini,” katanya.

Beliau juga berkata pegawai KPWKM telah diminta untuk mempercepatkan proses permohonan bantuan bagi golongan berkecukupan sebagai usaha kementerian itu untuk membantu mereka dalam mendepani cabaran ekonomi ketika ini.

— Bernama



## KPWKM cadang naikan bantuan geran pelancaran daripada RM2,700 ke RM5,000

BERNAMA



NANCY ketika ditemu bual dalam sesi Ruang Bicara bertajuk "Wanita Dijulang, Negara Gemilang", yang dihoskan Wan Syehrina Wan Ab. Rahman di Wisma Bernama.  
FOTO BERNAMA

Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bercadang untuk menambah jumlah pemberian bantuan geran pelancaran dalam Skim Bantuan Kebajikan daripada RM2,700 kepada RM5,000.

Menterinya Datuk Seri Nancy Shukri berkata bahawa ini adalah usaha KPWKM untuk membantu golongan memerlukan bagi memperoleh modal perniagaan dalam usaha mereka keluar daripada belunggu kemiskinan, malah kadar geran itu wajar dinaikkan bersesuaian dengan keadaan ekonomi ketika ini.

"Kami sudah bawa dalam mesyuarat pengurusan kami untuk meningkatkan lagi (geran pelancaran itu) daripada RM2,700 kepada RM5,000. Kalau MOF (Kementerian Kewangan) setuju, alhamdulillah kami boleh laksanakannya...itu yang kami hendak lakukan," katanya kepada Bernama.

Bantuan geran pelancaran dengan kadar maksimum RM2,700 secara sekali bayar itu bertujuan memperkasakan ekonomi kumpulan sasar Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang produktif, mempunyai minat, kemahiran dan potensi untuk menjana pendapatan individu atau keluarga.

Ditanya mengenai pertimbangan KPWKM untuk menaikkan setiap kadar elaun bantuan di bawah JKM berikutan cabaran ekonomi semasa, Nancy berkata perkara itu tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh kerana ia melibatkan proses belanjawan negara.

"Namun, jika ada perubahan yang berlaku terhadap klien (penerima bantuan) kami itu, seperti baru-baru ini saya di Kuching, Sarawak, klien terima RM300 dan apabila jadi OKU (Orang Kurang Upaya) yang langsung tidak dapat buat apa-apa, kami sarankan supaya tambah elaunnya kepada RM500. Perkara sebegini dapat kami lakukan.


"Tetapi insya-Allah kami akan sentiasa cuba ketengahkan perkara ini kerana ia permintaan yang popular dalam kalangan rakyat...saya percaya kami tidak akan mengetepikan permintaan sebegini," katanya.

Beliau juga berkata pegawai KPWKM telah diminta untuk mempercepatkan proses permohonan bantuan bagi golongan berkelayakan sebagai usaha kementerian itu untuk membantu mereka dalam mendepani cabaran ekonomi ketika ini.

Menyentuh mengenai kemuncak sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2024 pada Jumaat ini, Nancy berkata pelbagai program bagi memperkasakan golongan wanita terutamanya dari sudut ekonomi disediakan pada hari berkenaan.

"Program-program ini juga melibatkan pelbagai pihak berkaitan yang akan memberikan penerangan serta membuka peluang kepada golongan wanita lebih kepada sudut ekonomi dan pada masa sama, KPWKM juga akan beri penerangan mengenai undang-undang untuk keselamatan wanita," katanya.

Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2024 bertemakan "Wanita Dijulang, Negara Gemilang" akan diadakan di Pusat Konvensyen Sunway Pyramid di Petaling Jaya, Selangor dan akan disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.



TAJUK : GOVT AIMS TO TABLE SOCIAL WORK PROFESSION BILL THIS YEAR - NANCY

HARI : KHAMIS

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 7 MAC 2024

M/SURAT : 08

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

# Govt aims to table Social Work Profession Bill this year — Nancy

**KUALA LUMPUR:** The government aims to table the Social Work Profession Bill in the Dewan Rakyat this year, said Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri.

Therefore, she hoped that all issues raised about the bill could be resolved and finalised during the coordination process by the relevant agencies.

Nancy said the government had agreed in principle with the proposal to formulate the bill and had submitted a draft to the Attorney-General's Chambers for review in June 2021.

"However, several legal and policy issues need to be scrutinised and finalised before we can proceed with the next course of action," she said during the question and answer

session in the Dewan Rakyat yesterday.

She was responding to a supplementary question from Dr Kelvin Yii (PH-Bandar Kuching), who wanted to know the government's plan to table the bill and whether it contains provisions regarding the establishment of an independent regulatory body.

According to Nancy, the draft includes the formation of an independent body that will regulate the profession by overseeing the registration and certification of social work practices, as well as the establishment and compliance with standard practices and social work education.

To Dr Yii's original question on the allocation for hiring workers in the social service sector under

the Social Welfare Department (JKM) this year, she said under the Budget 2024, JKM received an allocation of RM308 million for the emolument of its permanent staff.

Through this allocation, JKM had filled 6,517 permanent positions as of Feb 28, comprising staff from various schemes covering social services, shared service, and cadre posts, besides having 592 contract staff.

"This year, JKM plans to appoint 309 contract staff from various schemes to be placed in the Children Development Department, which began operating in the fourth quarter of last year after the Prime Minister announced its establishment during the tabling of the Budget 2023," said Nancy. — Bernama



## KERAJAAN SASAR RUU PROFESION KERJA SOSIAL DIBENTANG TAHUN INI



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri ketika sesi soal jawab Pertanyaan-Pertanyaan Jawab Lisan pada Persidangan Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen.

06/03/2024 03:22 PM

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Kerajaan menyasarkan untuk membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Profesion Kerja Sosial tahun ini, kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri.

Sehubungan itu, beliau berharap semua isu berbangkit mengenai RUU itu dapat diselesaikan dan dimuktamadkan semasa proses penyetaraan draf yang sedang dilakukan oleh agensi berkaitan.

Beliau berkata sebelum ini kerajaan secara prinsip bersetuju dengan cadangan penggubalan RUU itu dan telah mengemukakan draf untuk semakan di peringkat Jabatan Peguam Negara pada Jun 2021.

"Namun terdapat beberapa isu yang melibatkan perkara undang-undang dan dasar yang perlu diteliti semula untuk kita muktamadkan sebelum tindakan selanjutnya dapat diselenggarakan," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat hari ini.


Beliau menjawab soalan tambahan Dr Kelvin Yii Lee Wuen (PH-Bandar Kuching) yang ingin tahu sama ada kerajaan bercadang untuk membentangkan RUU berkenaan pada sidang Dewan Rakyat akan datang, serta sama ada RUU itu mengandungi peruntukan mengenai penubuhan sebuah badan kawal selia bebas.

Menurut Nancy penubuhan sebuah badan bebas sememangnya telah dicadangkan dan dimasukkan ke dalam draf asal RUU itu, yang diharap dapat mengawal selia profesion merangkumi pendaftaran dan perakuan amalan kerja sosial berdaftar serta penetapan dan pematuhan piawaian praktikal dan pendidikan kerja sosial.

Menjawab soalan asal Dr Yii yang ingin tahu jumlah peruntukan dikhususkan untuk penggajian pekerja sektor perkhidmatan sosial di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) tahun ini, beliau berkata di bawah Bajet 2024, JKJ menerima peruntukan RM308 juta bagi perbelanjaan emolument kakitangan tetapnya.

Menerusi peruntukan katanya JKJ telah mengisi 6,517 perjawatan tetap sehingga 28 Feb lepas, merangkumi kakitangan daripada pelbagai skim meliputi perkhidmatan sosial, perkhidmatan guna sama dan pegawai jawatan kader, selain turut mempunyai 592 kakitangan sosial lantikan kontrak.

"Tahun ini, JKJ mempunyai perancangan untuk melantik seramai 309 kakitangan kontrak pelbagai skim dan grad pelantikan ini adalah untuk ditempatkan di Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak, yang telah mula beroperasi pada suku tahun keempat tahun lalu setelah diumumkan penubuhannya oleh Perdana Menteri semasa pembentangan Belanjawan 2023," katanya.



## #WOMEN: Becoming the best version of themselves

By Meera Murugesan - March 6, 2024 @ 4:52pm



ENLIVEN Women - a transformative retreat designed to uplift women from all walks of life was held from March 2-3, officiated by Minister of Women, Family and Community Development Datuk Seri Nancy Shukri.

The event highlighted the importance of addressing mental wellbeing and spiritual wellness, especially since Covid-19 intensified work pressure and care responsibilities.

Programmes like this are now a necessity in society in order to combat stress, mental fatigue and emotion dysregulation, said Nancy.

The two day retreat included workshops on "life wheel", personal vision, overcoming childhood trauma, "empowering mindset for personal growth", yoga classes and gratitude practices.

It included women from all walks of life, including participants from the B40 community from the Nicol David Organisation and social enterprise Thrive Well, and young corporates, working mums, stay-at-home mums and women entrepreneurs.

The retreat created a lasting impact on these women who felt a renewed zest to live better and happier lives and managed to have breakthroughs especially from their past limiting beliefs.

The event also included an intimate sharing session with Datuk Nicol David who shared her personal journey in becoming the world Number 1 squash player.



The event also included an intimate sharing session with Datuk Nicol David.

Having an empowering mindset, positive energy and tranquility are skills that can be used to navigate through life's challenges, says founder of Enliven Women Caleen Caseryn Chua.

Chua is also the founder of Yoga for Mums, the accelerator chair for the Entrepreneurs Organisation of Malaysia, and former CEO and director of the Rotol Food-Chain.

Chua believes in guiding women to focus on their needs and cultivate tenacity.


"One of the aims of the Enliven Women Retreat is to build a supportive community of women. I believe that we thrive better when we are in a supportive community that uplifts one another, shares experiences and encourages one another."

Hopefully, Enliven Women can impact more women, not only in Malaysia but also in Southeast Asia and empower women to be their best selves, she adds.



Building a supportive community of women.

More info on the Enliven Women Retreat and the "9 Week Mind and Body Transformation Programme" can be found on [https:// www.yogaformums.org](https://www.yogaformums.org), or on Instagram via @enlivenwomenorg @calcaseryn



## LaWa tingkat kebolehpasaran wanita

Oleh MOHAMAD NAUFAL MOHAMAD IDRIS 6 Mac 2024, 9:54 am



Nancy (tengah) ketika simbolik perasmian program Wacana SriKandi di Pusat Konvensyen Shah Alam, hari ini. FOTO/ SADDAM YUSOFF

SHAH ALAM – Kebolehpasaran wanita dalam pekerjaan terutama sektor perkhidmatan dipertingkatkan menerusi 14 buah pusat Laman Wanita (LaWa) di seluruh negara.

Menteri Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, antara kemahiran diajar adalah menjahit, membuat kraftangan, membuat kek dan kuih bagi membantu mereka meningkatkan pendapatan secara berkumpulan atau bersendirian.

Katanya, LaWa terbaharu dilancarkan adalah di Kota Bharu, Kelantan yang semua bagi pemerkasaan wanita.

“Justeru, kita seru golongan wanita yang masih tidak mempunyai pekerjaan dan pendapatan supaya ke pusat tersebut bagi mempelajari kemahiran yang telah disediakan itu,” katanya semasa perasmian Wacana SriKandi di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC) di sini, hari ini.

Nancy menegaskan kerajaan sentiasa menitikberatkan keperluan dan kesejahteraan wanita di negara ini yang sentiasa mahu berjaya dalam hidup mereka. -KOSMO!ONLINE



## SisBoleh programme for women empowerment



**KUCHING:** Southeast Asian superapp Grab has expanded the #SisBoleh programme to empower women within its platform.

In a statement, this launch was part of International Women's Day events organised by Grab Malaysia in Johor Bahru, Kuantan, and the Klang Valley, which saw attendance from dignitaries such as the Deputy Minister of Women, Family, and Community Development, Datuk Dr. Noraini Ahmad, and Petaling Jaya OCPD Assistant Commissioner Shahrulnizam Ja'afar.

Noraini applauded Grab for championing inclusivity, highlighting the platform's role in promoting women's participation in the gig economy by focusing on safety, community support, and dismantling barriers.

Feedback from Grab's female partners, indicating that societal biases and lack of confidence were major deterrents to their participation, prompted the expansion of the #SisBoleh programme.


Adelene Foo, managing director of Grab Malaysia, expressed optimism about the programme's potential to create economic independence for women, aligning with Grab's broader mission of fostering economic empowerment across Southeast Asia.

The enhanced programme features customised training sessions on in-car safety, handling difficult passenger interactions, and vehicle maintenance, accessible via Grab Academy.

Additionally, an exclusive online community for women partners will be established to encourage sharing and discussion on pertinent issues.

In a continued effort to ensure safety, Grab will introduce the 'Women Passengers Preferred BETA' feature on March 5, enabling women drivers to be preferentially matched with women passengers.

Women passengers are also encouraged to update their profiles on the Grab app to support this initiative.



## Tambah Pegawai JKM untuk tangani isu kebajikan



KUALA LUMPUR: Kerajaan dicadang supaya menambah bilangan pegawai yang akan mengenal pasti isu berkaitan kebajikan agar ianya dapat ditangani dengan sebaik mungkin, demikian harap Datuk Siti Zailah Mohd Yusoff (PN-Rantau Panjang).

Bekas Timbalan Menteri Pembangunan Keluarga, Kebajikan dan Masyarakat itu berkata, kementerian perlu untuk memastikan terutama dari segi sistem sokongan kepada yang berkaitan dengan JKM ini untuk ditambah baik.

"Sebab kita memahami kekangan pegawai. Contoh satu pegawai menjaga satu DUN untuk isu-isu kebajikan, ini tidak memadai puluhan ribu orang," kata Zailah di Dewan Rakyat, Parlimen, di sini sebentar tadi.

Beliau mengemukakan perkara itu ketika mencelah Dr Kelvin Yii Lee Wuen (PH-Bandar Kuching) kepada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semasa sesi Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan.

Dr Kelvin dalam soalan asalnya meminta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan peruntukan di bawah Bajet 2024 yang dikhususkan untuk pengajian pekerja-pekerja sektor perkhidmatan sosial dalam JKM.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, perkara tersebut sedang dilakukan penambahbaikan.

"Pertama dari segi Jabatan Pembangunan Kanak-kanak, itu sudah kita keluarkan daripada JKM. Walaupun ianya lebih akan independent katakan pada tahun 2026, namun dari segi perjawatan telah kita dapat kelulusan dan berlaku pada masa ini sehingga tahun 2026.

"Kerana ianya memerlukan beberapa pindaan undang-undang yang melibatkan struktur perjawatan semuanya," jelas beliau memberitahu selain daripada itu juga pihaknya ada melakukan penambahbaikan baru mendapat premis di Nibong Tebal.


Premis itu jelasnya, sudah mendapat kelulusan perjawatan dan juga boleh untuk membantu menangani kes di Nibong Tebal untuk kanak-kanak dan juga orang tua di mana ia satu perubahan baru.

"Insya-Allah kita cuba nak kalau boleh kita nak caj juga kalau mereka yang berkemampuan yang di bawah kita punya premis institusi kita, (tetapi) kita tak caj. Tapi yang lain itu mungkin kerana premis itu baru dan kita sudah dapat perjawatan juga yang diluluskan oleh JPA.

"Dan seterusnya ialah penambahbaikan baru ialah dari sudut pekerja sosial inilah RUU Kerja Sosial ini supaya kita dapat menambahkan lagi dari segi ratio (nisbah) sekarang ini terlalu besar.

"Maka sebab itu kita nak mengecilkan ratio supaya lebih dapat dilakukan pekerjaan itu dengan lebih efisien. Itu yang kita nak lakukan dan banyak lagi yang kita lakukanlah untuk membantu terutama sekali di bawah JKM ini," jawab Nancy kepada soalan Siti Zailah. –

**HARAKHADAILY 6/3/2024**



## 139 jenayah babitkan kanak-kanak pada 2022

Published on: Wednesday, March 06, 2024

By: Johan Aziz



BAIYAH (tiga kiri) bersama Muhammad Idris (dua kiri) bergambar bersama fasilitator dan peserta selepas program.

**KENINGAU:** Sabah merekodkan 139 kes jenayah membabitkan kanak-kanak pada 2022, yang mana amat membimbangkan, kata Pengerusi Majlis Penasihat Wanita (MPWS) Sabah, Datuk Dr Hajah Tarsiah TZ Haji Taman.

Beliau berkata berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat, kumpulan orang asal Sabah menyumbang 104 kes dengan 100 kes lelaki dan empat kes perempuan.

"Kes dadah merupakan penyumbang kedua tertinggi kepada gejala sosial iaitu sebanyak 772 kes di mana 704 kes melibatkan kanak-kanak lelaki dan 68 perempuan," katanya ketika berucap merasmikan Program Kesedaran Isu Sosial dan Tanggungjawab Ibu Bapa Terhadap Kanak-Kanak di sebuah hotel, di sini, baru-baru ini.

Teks ucapan beliau dibacakan Timbalan Pengerusi Majlis Penasihat Wanita Sabah, Hajah Baiyah Ag Mahmon.

Tarsiah berkata berdasarkan data itu, isu sosial seperti penyalahgunaan dadah dalam kalangan kanak-kanak perlu diberi penekanan yang sewajarnya dan langkah pencegahan yang diambil bukan sahaja oleh kerajaan, malah masyarakat khususnya ibu bapa.

"Persatuan atau badan bukan kerajaan (NGO) juga perlu bersama-sama dalam usaha ini. Generasi kini perlu dibentuk dan dipersiapkan untuk menjadi generasi yang mampan, berdaya saing dan bersedia menghadapi sebarang cabaran pada masa hadapan.

"Apabila kita meneliti konsep Malaysia Madani, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menggariskan enam tonggak utama iaitu kemampanan, kesejahteraan, kreativiti, rasa hormat, keyakinan dan budi bahasa.

"Daripada enam itu, budi bahasa dilihat sebagai salah satu tonggak yang boleh menjadi paling penting dalam menyumbang kepada pembentukan masyarakat beradab," katanya.

Tarsiah berkata "budi bahasa" dalam konteks Malaysia Madani ditafsir secara sinonim dengan erti kepedulian dan belas kasihan, iaitu menyayangi orang lain termasuk ahli keluarga, kawan rapat, jiran tetangga dan anggota masyarakat keseluruhannya, termasuk golongan minoriti.

Tarsiah berkata, keselamatan kanak-kanak ini bukan sahaja terletak di bahu agensi di bawah kerajaan tetapi masyarakat sekeliling juga perlu memainkan peranan besar dalam memastikan komuniti mereka selamat.

Nilai-nilai seperti budi dan belas kasihan harus dipupuk oleh ibu bapa.

Tambahnya, kasih sayang ibu bapa boleh menghalang anak-anak daripada melakukan perkara yang melanggar nilai dan norma masyarakat.

Apabila kanak-kanak mendapat sokongan moral yang kuat di rumah mereka tidak mudah dipengaruhi oleh rakan sebaya atau mencari perhatian luar untuk pengesahan.

Beliau berharap isu sosial dalam kalangan kanak-kanak ini dapat dicegah agar Sabah khususnya daerah ini dapat membangunkan masyarakat yang selamat dan sejahtera.

Program sehari anjuran Jawatankuasa Sosial MPWS dan Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah (Jhewa) dengan kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Sabah itu dihadiri 145 orang terdiri daripada wanita dan ibu bapa.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Sosial MPWS, Prof Madya Dr Muhammad Idris Bahari, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Sosial MPWS, Dr Hajah Ananglangka Mad Kassim, Penolong Pengarah Kanan AADK, Dayang Siti Rohani Sedan dan Penolong Pengarah Kanan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Suzanna Piny.



## Bayi 3 bulan maut hari pertama di pusat asuhan

Ruwaida Md Zain  
am@hmetro.com.my



GAMBAR hiasan

Shah Alam: Seorang bayi lelaki berusia tiga bulan ditemukan tidak sedarkan diri semasa berada di sebuah pusat asuhan kanak-kanak di Setia Alam, di sini Isnin lalu.

Ketua Polis Daerah Shah Alam, Asisten Komisioner Mohd Iqbal Ibrahim berkata, polis menerima laporan berhubung kejadian itu daripada bapa mangsa jam 2.31 petang, pada hari berkenaan.

"Siasatan mendapati, mangsa dihantar kali pertama oleh bapanya ke pusat asuhan itu pada jam 8.30 pagi hari berkenaan.

"Pada jam 10.30 pagi, bapa mangsa dimaklumkan oleh pengurus pusat asuhan mengatakan bayi berkenaan tidak sedarkan diri.

"Mangsa dibawa ke Jabatan Kecemasan Hospital Shah Alam dalam keadaan tidak sedarkan diri dan disahkan meninggal dunia selepas usaha menyelamatkan mangsa dijalankan," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Mohd Iqbal berkata, bedah siasat dijalankan pada jam 12.30 tengahari hingga 5 petang di Unit Forensik Hospital Shah Alam semalam.

"Keputusan bedah siasat adalah 'pending laboratory investigation'. Pemeriksaan ke atas mangsa juga dapati tiada mempunyai sebarang kecederaan luaran mahupun dalaman.

"Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak dan jika disabitkan kesalahan boleh di denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 20 tahun atau kedua-duanya," katanya.

Beliau berkata, kenyataan pengasuh dan pekerja pusat asuhan sudah diambil.

"Bagi ibu bapa mangsa, kenyataan akan diambil selepas urusan pengebumian mangsa di Kelantan," katanya.

Menurutnya, individu yang mempunyai sebarang maklumat berkaitan kes ini bolehlah menghubungi Pegawai Penyiasat Inspektor Muhammad Naquiddin Nawawi di talian 011-21112824.



## Gangguan seksual: Bekas peguam kena enam tahun, satu sebatan

Published on: Wednesday, March 06, 2024

By: Cynthia D Baga



*Dia disabitkan mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan juga boleh disebat, jika sabit kesalahan.*

**KOTA KINABALU:** Seorang bekas peguam yang berpangkalan di Sarawak dijatuhi hukuman penjara enam tahun dan diperintahkan untuk dikenakan satu sebatan kerana melakukan gangguan seksual fizikal terhadap anak perempuan teman wanitanya.

Hakim Mahkamah Sesyen Elsie Primus menjatuhkan hukuman itu kepada Kueh Kay Foo, 55, selepas memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya melampaui keraguan munasabah terhadap Kueh.

Kueh didapati bersalah melakukan kesalahan itu terhadap remaja perempuan berusia 11 tahun itu dengan memeluk dan memegang paha serta payudaranya di sebuah pangsapuri di Penampang antara 23 April 2019 dan 15 Mei 2019.

Dia disabitkan mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan juga boleh disebat, jika sabit kesalahan.


Mahkamah turut memerintahkan Kueh menjalani kaunseling semasa ditahan dan diletakkan di bawah pengawasan polis selama tiga tahun selepas menamatkan hukumannya.

Bagaimanapun, Kueh berjaya mendapatkan penangguhan pelaksanaan hukuman sementara menunggu rayuan ke Mahkamah Tinggi terhadap keputusan itu.

Mahkamah telah melanjutkan ikat jaminnyanya sebanyak RM20,000 dengan RM15,000 dengan seorang penjamin tempatan sementara menunggu kes selesai.

Semasa perbicaraan, pihak pendakwaan memanggil enam saksi manakala pihak pembelaan mengemukakan dua saksi termasuk Kueh sendiri.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Rozana Abdul Hadi manakala Kueh mewakili dirinya sendiri.



## Pencuci kereta laku amang seksual terhadap anak majikan dipenjara 4 tahun, 3 sebatan

Zatul Iffah Zolkipli  
zatuliffah@hmetro.com.my



Seorang pencuci kereta dijatuhi hukuman penjara empat tahun dan tiga sebatan di Mahkamah Sesyen di sini hari ini kerana melakukan amang seksual fizikal terhadap anak majikannya. FOTO GHAZALI KORI

Kuala Terengganu: Seorang pencuci kereta dijatuhi hukuman penjara empat tahun dan tiga sebatan di Mahkamah Sesyen di sini hari ini kerana melakukan amang seksual fizikal terhadap anak majikannya.

Hakim Mohd Zul Zakiqudin Zulkifli membuat keputusan itu selepas tertuduh, Muhammad Norish Ariswary Mohd Isa, 19, mengaku salah terhadap tiga pertuduhan berkenaan.

Mengikut pertuduhan pertama hingga tiga, tertuduh didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap mangsa yang ketika kejadian berusia 8 tahun 6 bulan.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di daerah ini pada Jun 2023.


Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14 (a), Seksyen 14 (b) dan Seksyen 14 (d) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKSTKK) 2017.

Mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman penjara empat tahun dan satu sebatan bagi setiap pertuduhan.

Bagaimanapun, mahkamah mengarahkan hukuman penjara berjalan serentak bermula daripada tarikh tangkap iaitu pada 24 Januari lalu.

Selain itu, tertuduh turut diarahkan berada dalam pengawasan polis selama dua tahun mengikut Seksyen 27 AKSTKK2017 sebaik selesai menjalani hukuman penjara.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Intan Nor Hilwani Mat Rifin manakala tertuduh diwakili peguam daripada Jabatan Bantuan Guaman.



## Bapa mabuk tunjuk anu, pijak kepala anak ditahan

Oleh NOR FARHANA YAACOB [Follow](#) 06 Mac 2024 05:00pm



Suspek telah ditahan polis kira-kira jam 1.40 pagi pada hari sama. Gambar hiasan

MELAKA - Seorang bapa bukan sahaja memijak, memukul dan menendang anak perempuannya malah turut menunjukkan kemaluannya dalam kejadian pada minggu lalu.

Ketua Polis Daerah Jasin, Deputy Superintenden Ahmad Jamil Radzi berkata, kejadian pada 26 Februari lalu dipercayai berlaku apabila isterinya menolak pelawaan suspek yang juga penganggur berusia 40 tahun untuk makan malam selepas pulang ke rumah dalam keadaan mabuk kira-kira jam 10 malam.

Menurutnya, suspek kemudian memarahi isterinya yang merupakan peniaga nasi lemak sebelum menendang mangsa berusia 40 tahun itu.


"Pengadu terus lari ke bilik tiga anak perempuannya berusia 12, 14 dan 16 tahun dan suspek bertindak melondehkan seluar dan terus menunjukkan kemaluannya kepada tiga anak perempuannya.

"Selain memukul anaknya berusia 16 tahun dan suspek juga memijak kepala anaknya berusia 12 dan 14 tahun," katanya ketika dihubungi pemberita di sini pada Rabu.

Tambahnya, wanita itu cuba menghalang perbuatan suspek, namun tidak berjaya sebelum melarikan diri ke rumah ibu mentuanya yang terletak di kawasan berhampiran.

"Selepas insiden itu pengadu dan anak-anaknya membuat laporan polis dan suspek telah ditahan kira-kira jam 1.40 pagi pada hari sama.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 15 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Kanak-Kanak 2017 dan suspek yang sedang direman akan dituduh di mahkamah pada Khamis," katanya lagi.



TAJUK : 'HAPUS RINTANGAN HALANG WANITA SERTA EKONOMI'

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN


TARIKH : 7 MAC 2024

M/SURAT : 21

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

## 'Hapus rintangan halang wanita sertai ekonomi'



Kadar penyertaan tenaga buruh wanita Malaysia hanya 55.8 peratus jika dibandingkan dengan 81.9 peratus golongan lelaki. (Foto hiasan)

**Kuala Lumpur:** Kuasa ekonomi wanita menjadi tunjang utama bagi mencapai kesaksamaan gender, secara tidak langsung menggalakkan kesejahteraan dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan ekonomi.

Tanpa pemerkasaan ekonomi wanita, separuh daripada populasi berisiko untuk ketinggalan apabila berhadapan dunia yang berubah dengan begitu pantas.

Urus Setia Forum Wanita dan Gadis Malaysia (MWGF) dalam kenyataannya, berkata memandangkan kuasa ekonomi adalah asas kepada ketahanan diri dan daya pemulihan, jadi sebarang rintangan struktur, sosial dan budaya yang menghalang wanita menyertai ekonomi dan sektor umum perlu dihapuskan.

Katanya, wanita mewakili 50 peratus populasi negara, namun Malaysia mempunyai antara kadar penyertaan tenaga buruh wanita terendah

dalam kalangan negara berpendapatan sederhana atas.

"Namun, kadar penyertaan tenaga buruh wanita Malaysia hanya 55.8 peratus jika dibandingkan dengan 81.9 peratus golongan lelaki.

"Dengan hanya separuh daripada populasi wanita terbabit dalam tenaga buruh, negara akan kerugian kerana potensi ekonomi golongan ini tidak dimanfaatkan sepenuhnya," kata kenyataan itu.

Kajian mendapati pendapatan perkapita Malaysia berpotensi berkembang sebanyak 26.2 peratus jika semua halangan terhadap penyertaan ekonomi wanita dihapuskan.

Justeru, wanita perlu diberikan akses sama rata kepada peluang dan sumber ekonomi, ia bukan sahaja dapat memberikan kesan positif kepada ekonomi, malah juga mempunyai kesan pengganda yang positif kepada kesejahteraan masyarakat.

"Apabila wanita mempunyai kuasa kewangan, mereka dapat membabitkan diri dalam lingkungan awam secara bermakna, contohnya dengan memikul peranan selaku penggubal dasar (kerana hakikatnya, wanita memerlukan wang untuk bertanding di dalam pilihan raya).

"Kajian menunjukkan apabila lebih ramai wanita memegang tanggungjawab utama dalam sektor ekonomi dan politik, dasar yang digubal lebih mencerminkan kepelbagaian keperluan akar umbi," katanya.

Terdapat beberapa pendekatan boleh diambil memperkasa ekonomi wanita termasuk mengenal pasti, menangani rintangan struktur, sosial dan budaya yang menghalang peluang ekonomi wanita.

Selain, menjamin akses penuh kepada hak Kesihatan Seksual dan Reproduksi juga penting dalam pemerkasaan ekonomi wanita.